

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

23 MAC 2019

SABTU



| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|-------------------|--|-----|
| UTUSAN MALAYSIA | SUNGAI KIM KIM : WUJUDKAN JAWATAN KUASA BEBAS TETAP | 2 |
| BERITA HARIAN | 111 SEKOLAH DIBUKA SEMULA AKHIR BULAN | 3 |
| KOSMO | KESAN EKONOMI PADA ALAM SEKITAR | 4 |
| NEW STRAITS TIMES | SUNGAI KIM KIM INCIDENT A LESSON FOR US TO PRESERVE OUR RIVERS, SAYS TUNKU IDRIS | 5 |



UTUSAN MALAYSIA

23/3/19 utusan malaysia
Sabtu

Sungai Kim Kim: Wujudkan Jawatankuasa Bebas Tetap

KUALA LUMPUR 22 Mac - Kerajaan Persekutuan digesa segera membentuk Jawatankuasa Bebas Tetap mengenai insiden pencemaran Sungai Kim Kim di Pasir Gudang, Johor.

Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER) memberitahu, bagi memastikan ketelusan jawatankuasa tersebut, seorang pakar bebas perlu dipilih untuk mem-pengerusikannya.

“Pengerusi jawatankuasa ini tidak boleh dipilih daripada anggota Kabinet, ahli Parlimen atau ahli Dewan Undangan Negeri.

“Sila pilih seorang pakar yang bebas untuk mem-pengerusikan jawatankuasa ini supaya boleh berfungsi secara telus dan keanggotaan jawatankuasa tidak boleh melebihi enam wakil agensi kerajaan, dua wakil penduduk yang terkesan serta tiga anggota bebas yang merupakan pakar dalam bidang berkenaan,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Tambahnya, jawatankuasa ini juga perlu menerbitkan butir-butir penuh peristiwa daripada hari pertama kejadian dalam laman web khas.

“Semua bahan kimia yang direkodkan dengan keputusan ujian masing-masing juga mesti diterbitkan.

“Buat masa ini rakyat hanya mendapat maklumat kualitatif

sebagai contoh agensi kerajaan mengumumkan kualiti udara di Pasir Gudang adalah selamat tetapi tidak mengumumkan data terperinci kualiti udara tersebut,” katanya.

Menurut kenyataan tersebut, semua minit mesyuarat yang berkaitan dengan kejadian juga harus diterbitkan dan kos yang ditanggung semua agensi kerajaan perlu direkod secara terperinci.

“Jawatankuasa ini juga harus mengenal pasti potensi risiko kepada responden pertama yang mungkin tidak menyedari keseriusan pencemaran dan mungkin juga terdedah.

“Kami juga menyedari terdapat beberapa kakitangan media terjejas semasa menjalankan tugas dan jawatankuasa harus memasukkan mereka sebagai sebahagian daripada mangsa insiden ini.

“Jawatankuasa juga perlu mewujudkan satu mekanisme untuk membantu kos perubatan masa depan bagi mangsa dan pampasan bagi kehilangan pendapatan apabila mangsa tidak mampu bekerja,” katanya lagi.

Kenyataan itu menambah, penubuhan jawatankuasa itu bukanlah untuk mencari kesalahan sebaliknya memberikan keadilan buat semua mangsa dan sebagai persediaan untuk menguruskan insiden sama jika berulang.



BERITA HARIAN

PENCEMARAN DI PASIR GUDANG

23/3/19 BH
Sfhr

111 sekolah dibuka semula akhir bulan

➔ Kawasan tercemar tunjuk perubahan positif, hampir pulih sepenuhnya

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof
mohdfahmi@bh.com.my

✦ Johor Bahru

Semua 111 sekolah di Pasir Gudang yang ditutup susulan insiden pencemaran bahan kimia baru-baru ini, akan dibuka semula pada 31 Mac depan.

Timbalan Pengarah Pendidikan Johor, Azman Adnan, berkata keputusan itu dibuat susulan hasil Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Selasa lalu, menghentikan operasi di Sungai Kim Kim.

Katanya, Mesyuarat JPBN

bagi menangani pembuangan sisa bahan kimia di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, juga memutuskan menutup Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) dan kejadian menunjukkan perubahan semakin positif serta hampir pulih sepenuhnya.

Sekolah dibuka Abad

“Sehubungan itu, semua sekolah dalam daerah Pasir Gudang yang ditutup akan dibuka semula mulai Ahad, 31 Mac ini.

“Kerja pembersihan sekolah juga akan dilakukan pi-



kerja pembersihan sekolah akan dilakukan pihak sekolah dengan kerjasama PIBG, PIBK, agensi kerajaan, NGO dan pihak swasta”

Azman Adnan,
Timbalan Pengarah
Pendidikan Johor

hak sekolah dengan kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Penglibatan Ibu Bapa dan Komuniti (PIBK), agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta tempatan,” katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Azman berkata, kerja pembersihan tidak membatik murid mengikut kesesuaian pihak sekolah, sebelum sekolah dibuka dengan mematuhi segala prosedur operasi standard (SOP) yang berkaitan.

Patuhi SOP

Pada 13 Mac lalu, Kementerian Pendidikan mengarahkan semua 111 sekolah di daerah Pasir Gudang ditutup berkuat kuasa serta-merta, hingga satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik, berkata keputusan itu dibuat berdasarkan situasi semasa dan laporan Jawatankuasa Pengurusan Bencana negeri, susulan pencemaran sisa bahan kimia berbahaya di Sungai Kim Kim di daerah itu pada 7 Mac lalu.



KOSMO

Kosmo
23/3/19 - Sabtu

30
K2
MAY 2019

EKONOMI

Kesan ekonomi pada alam sekitar

Oleh **PROF. MADYA DR. MOHD. YUSOF SAARI**

SEJAK Januari hingga Mac lalu, dua isu pencemaran alam sekitar menjadi antara isu utama diperkatakan di Malaysia. Pada awal Januari lalu, isu limbakan sisa plastik di Pelabuhan Kang Kim, isu pencemaran bahan kimia yang dilepaskan ke Sungai Kim Kim di Pasir Gudang, Johor pula.

Sisa bahan kimia itu bukan sahaja memberi impak langsung kepada kesihatan penduduk sekitar malah memberi kesan kepada pendapatan nelayan setempat akibat permintaan hasil laut yang rendah. Pencemaran alam sekitar berkait rapat dengan aktiviti ekonomi sesebuah negara. Ada dua persoalan yang penulis ingin rangkai berkaitan dengan hubungan antara aktiviti ekonomi dan alam sekitar.

Persoalan pertama, adakah aktiviti ekonomi Malaysia 'mesra' kepada alam sekitar? Dalam bidang pengaliran ekonomi pembangunan dan alam sekitar, kadar pencemaran alam sekitar oleh sektor-sektor ekonomi selalu dikait dengan *pollution haven hypothesis*. Ia merujuk situasi negara-negara maju cenderung 'meneceram' alam sekitar di negara-negara sedang membangun melalui pemindahan operasi pengeluaran.

Adakah Malaysia boleh dikategorikan sebagai *pollution haven*? Data semasa dan kajian-kajian terdahulu telah menunjukkan kecenderungan Malaysia menjadi sebagai sebuah negara *pollution haven*. Mengikut perangkaan Bank Dunia, Malaysia merupakan salah satu negara yang merekodkan kadar pencemaran CO₂ (tan metrik per kapita) yang tinggi. Kadar purata pencemaran CO₂ perkapita dunia pada tahun 2014 beranda paras

oleh AGAP



PEMBUANGAN sisa kimia di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor baru-baru ini menjejaskan kehidupan harian penduduk setempat.

4.96 tan metrik berbanding Malaysia 5.08 tan metrik. Kadar pencemaran CO₂ per kapita di Indonesia, Thailand dan Vietnam adalah lebih rendah berbanding Malaysia dengan kadar masing-masing 1.81, 4.62 dan 1.80 tan metrik. Kesan aktiviti pengeluaran oleh sektor-sektor ekonomi kepada alam sekitar melibatkan secara langsung dan tidak langsung

Lambakan

Pencemaran secara langsung berlaku apabila sektor-sektor ekonomi terlibat terus dengan aktiviti sisa pencemaran seperti limbakan sisa plastik yang diimport oleh Malaysia di Pelabuhan Kang pada awal tahun ini.

Malaysia juga terkesan daripada pencemaran tidak langsung akibat daripada proses pengeluaran. Ada tiga keadaan aktiviti pengeluaran menyumbang kepada pencemaran tak langsung.

Pertama, negara-negara maju memindahkan operasi pengeluaran mereka ke Malaysia melalui pelaburan langsung asing. Contohnya, kilang yang sudah beroperasi beberapa tahun di negara maju dan tidak lagi efisien dari segi alam sekitar dipindahkan ke Malaysia. Kajian terdahulu menunjukkan Jepun adalah salah sebuah negara yang mengguna pakai kaedah ini. Kedua, negara-negara maju menjual barang modal

dan barang penggunaan terpakai ke Malaysia. Jentera dan kereta terpakai yang tidak lagi mesra alam banyak dieksport ke Malaysia.

Ketiga, Malaysia menggunakan bahan mentah yang mengandungi bahan pencemaran yang tinggi seperti kandungan karbon dan sisa pepejal. Bahan mentah ini diproses di Malaysia untuk menghasilkan barangan lain.

Kes pembuangan bahan kimia di Sungai Kim Kim berkecenderungan besar disebabkan oleh mekanisme ini. Pihak pengaliran menggunakan bahan kimia untuk memproses barangan lain dan sisa bahan kimia yang tidak boleh dikitar semula setelah digunakan dibuang terus ke sungai.

Persoalan kedua, adakah wujudnya kerangka pemantauan yang merekod urusan niaga ekonomi dan pencemaran secara langsung dan tidak langsung oleh sektor-sektor ekonomi.

Dalam perancangan ekonomi, kerangka sedemikian sudah lama wujud dan digunakan secara meluas oleh kebanyakan negara maju seperti Jepun, Belanda dan Australia.

PROF. MADYA DR. MOHD. YUSOF SAARI merupakan penyarah di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Belia juga ialah Ketua Laboratori Kaedah Kuantitatif Analisis Dasar, Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan, Universiti Putra Malaysia.



NEW STRAITS TIMES

SATURDAY, MARCH 23, 2019 • NewStraitsTimes

Nation / NEWS | 11

23/3/2019
New Straits Times
Saturday

RIVER POLLUTION

Sungai Kim Kim incident a lesson for us to preserve our rivers, says Tunku Idris

JOHOR BARU: Tunku Temenggong of Johor Tunku Idris Iskandar Al-Haj Sultan Ibrahim yesterday reminded the public of the importance of preserving the rivers in the state.

Following the chemical contamination episode in Pasir Gudang,

Tunku Idris said urgent steps should be taken to raise awareness about the dangers of river pollution.

He said if there was no effort to educate people to care about the rivers, toxic waste dumping would become more rampant.

“In conjunction with World Water Day (today), I want to draw the public’s attention to the adverse effects of polluting our rivers.

“The toxic waste pollution tragedy in Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, has taught us a lesson,” Tunku Idris said in a statement

issued by the Royal Press Office here yesterday.

He said irresponsible acts had destroyed the river, killing its marine life and its potential as a source of clean water.

The Royal Patron of the Johor National Parks said all 16 major

rivers in the state had been affected by pollution and it was a sorry state of affairs.

“Systematic river degradation as a result of domestic waste disposal and industrial waste must be stopped as rivers are our source of livelihood.” **Bernama**

